

BAB 1

PENGENALAN

Tesis ini tidak mengkaji semua penulisan biografi di Malaysia dan tidak mengkaji semua kajian lepas tentang penulisan biografi di institusi pengajian tinggi tempatan. 6 buah buku biografi telah dipilih iaitu *Harun Aminurrashid, Empatbelas Terbilang, Potret Budi, Wajah Biografi, Abdul Rahim Kajai* dan *Gagak Di Rimba* kerana buku-buku ini telah memperlihatkan jenis biografi yang ada. Biografi-biografi ini ditulis dengan motif yang tertentu, umpamanya:

- i. *Empatbelas Terbilang*, ditulis oleh siswa tahun kepujian ijazah pertama.
- ii. *Potret Budi* dan *Wajah Biografi 100 Penulis* ditulis oleh panel pengarang. Terdapat persamaan dasar di sini dan banyak kelemahan diperolehi kerana faktor waktu.
- iii. *Biografi Abdul Rahim Kajai* yang ditulis oleh Abdul Latiff Abu Bakar merupakan biografi fokus (fokus penulisan hanya pada zaman kolonial).
- iv. Biografi *Gagak Di Rimba*, yang menonjolkan stail penulisan Abdullah Hussain.

- v. Biografi *Harun Aminurrashid* yang dituliskan oleh Abdullah Hussain untuk tujuan-tujuan tertentu.

Enam buah buku ini hanya mewakili contoh-contoh penulisan biografi tempatan yang ada. Oleh itu bukan semua biografi dan kajian penulisan biografi dikaji. Buku-buku dan kajian-kajian yang lain tidak dijadikan bahan perbincangan kerana mereka tergolong dalam jenis-jenis biografi di atas.

Penulisan biografi sastera semakin menjadi popular di negara ini tetapi banyak lagi ciri-ciri stail penulisan serta kajian kehidupan seseorang tokoh yang masih belum diterokai. Leon Edel memberikan pengertian tentang biografi sastera iaitu sebagai suatu cabang kajian biografi yang mengkaji riwayat hidup penulis-penulis kreatif. Apa yang terlibat sekaligus dalam proses penulisan biografi ialah kaedah sains digunakan untuk memberikan keterangan tentang manusia dan perawakannya; seni digunakan untuk menangkap pengalaman manusia dalam bentuk bahasa; dan kepandaian diperlukan untuk mengolah dan menyusun pelbagai ragam yang terdapat dalam otak manusia.¹

1. Abu Bakar Hamid, Seminar Biografi Sastera Malaysia, Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 26-28 April 1986.

Kajian ini meneliti enam buah biografi sastera iaitu *Harun Aminurrashid, Wajah, Empatbelas Terbilang, Potret Budi, Gagak Di Rimba, Abdul Rahim Kajai Wartawan dan Sasterawan Melayu*. Buku-buku ini hanya membincangkan riwayat hidup tokoh-tokoh yang terkenal, bahagian besarnya tokoh-tokoh sastera tempatan. Kajian ini mendapati banyak lagi kelemahan yang terkandung di dalam penulisan biografi sastera tempatan. Tetapi terdapat seorang penulis yang banyak menggunakan teori-teori Barat semasa menuliskan biografi sastera, dia adalah Abdullah Hussain. Beliau banyak memanipulasikan stail penulisan biografi sastera serta teorinya khususnya Teori Baru Leon Edel.

Apa yang jelas di sini ialah Abdullah Hussain banyak menggunakan aspek-aspek seperti psikologi dan teori-teori penulisan kesusasteraan sehingga menjadikan penulisan itu mempunyai fakta, tepat dan seronok dibaca.

Biasanya penulisan biografi sastera tempatan yang lain mempunyai banyak kelemahan seperti fakta tidak mencukupi, tidak menekankan bidang psikologi, ketiadaan teori penulisan kesusasteraan, sejarah seseorang terlalu ringkas serta tidak mendalam, memberikan pendapat sendiri dan cuba menjadikannya sebagai propaganda untuk memenuhi tujuan sendiri. Semua hal ini dijelaskan di dalam Bab 3, Bab 4 dan Bab 5. Bab 5 lebih menekankan penulisan gaya baru yang digunakan oleh Abdullah Hussain.

Ada dua hal mengapa penulis biografi sastera tempatan tidak mendedahkan maklumat yang cukup tentang kehidupan seseorang misalnya soal-soal peribadi atau kelemahan seseorang; ini kerana kebanyakan penulis tempatan takut dikritik oleh masyarakat tempatan. Yang keduanya, mendedahkan hal-hal sensitif adalah tidak manis bagi masyarakat Timur. Dengan ini, banyak sekali fakta-fakta yang telah ditinggalkan menjadikan penulisan bersifat hagiografi kerana hanya mendedahkan perkara-perkara yang baik sahaja. Ini seterusnya menjadikan setiap tokoh itu seolah-olah seorang wira yang tidak ada kecacatan diri. Jelas di sini apabila mereka mengagung-agungkan subjek menjadikan penulisan tidak realistik dan saintifik.

Tambahan lagi, kurang fakta-fakta penting digunakan seperti perkembangan mental seseorang, masalah-masalah sebenar seseorang, motivasi utama yang menjadikan seseorang itu bekerja keras hingga menjadi terkenal, kaitan seks dan fikiran seseorang. Semua maklumat ini mustahak dikaji untuk memperolehi satu gambaran yang jelas tentang watak dan kehidupan seseorang. Teori Edel pernah menitikberatkan ini:

"... all biography has this in common, that it is concerned with the truth of life and the truth of experience."²

2. Leon Edel, *Literary Biography*, Richard Clay and Company, Great Britain, 1959, hlm. 2.

Lazimnya, kita sentiasa mendapati penulis biografi sastera tempatan terlalu menyokong subjek sehingga bersifat berat sebelah. Ini bertentangan dengan teori Leon Edel yang menekankan kebenaran fakta dan kebenaran pengalaman kehidupan seseorang itu.

Setakat ini, ada banyak lagi kelemahan penulisan biografi sastera tempatan seperti tidak objektif dan mengarah kepada penulisan "mediocrity" dan juga khalayan (subjek digambarkan hampir seperti di dalam metos).

Walau bagaimanapun, *Gagak Di Rimba*, riwayat hidup P. Ramlee yang dituliskan oleh Abdullah Hussain dibincangkan di dalam Bab 5, dan kita dapati dia merupakan pelopor penulis biografi sastera tempatan yang lebih rapat dengan stail teori penulisan Leon Edel. Jelasnya, penulisan Abdullah Hussain mengandungi:

1. Kebenaran fakta
2. Psikologi
3. Gambaran semula yang realistik
4. Teori penulisan kesusasteraan digunakan seperti metafora, anekdote dan imbasan kembali.

Satu kelebihan yang ketara di dalam penulisan Abdullah Hussain ialah dia amat berani mendedahkan hal-hal mendalam tentang tokohnya, seperti contoh berikut:

"Di dalam darjah Ramlee termasuk sa-orang yang nakal. Oleh kawan-kawan-nya ia digelarkan "hero". Kerana selain daripada suka berkelahi ia pun suka pula berlagak-lagak sa-bagai cowboy waktu menunggang basikalnya, kepala-nya benjol-benjol kerana suka 'stan'."³

Jadi Abdullah Hussain tidak segan mendedahkan kelemahan subjeknya dan ini menampilkan satu penulisan yang objektif serta berdasarkan kepada fakta. Dia tidak lagi mengagung-agungkan subjeknya lagi.

Tegasnya, untuk menulis satu biografi yang baik kita juga mementingkan penggunaan ilmu-ilmu lain supaya penulisan kita bersifat saintifik, maju dan tidak hanya herbentuk hagiografi serta berat sebelah. Beberapa ilmu yang kita perlu mengambil berat ialah ilmu psikologi, sejarah, logik, sosiologi, teori kesusasteraan dan retorik iaitu kajian penggunaan penulisan yang betul untuk mempengaruhi pembaca.

Penulis biografi sastera tempatan akan menampilkan kemajuan jika mereka cuba mengeksploitasikan ilmu-ilmu di atas. Mereka mesti serba tahu dengan ilmu-ilmu ini yang ada kaitan dengan kehidupan manusia. Tanpa ilmu-ilmu ini, maka penulisan menjadi kaku, tidak menepati fakta, tidak realistik dan akan diragui oleh pembaca. Jadi, Bab 3, Bab 4 dan Bab 5 amat sesuai untuk menyelesaikan masalah-masalah

3. Abdullah Hussain, *Gagak Di Rimba*, Penerbitan Angkatan Baru, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 25.

yang sentiasa dihadapi oleh penulis-penulis biografi sastera tempatan. Kajian ini menganalisis masalah-masalah mereka serta menyediakan rangkaian ilmu yang sesuai untuk memajukan lagi ilmu penulisan mereka, khususnya penulisan biografi sastera.